

Diftong Bahasa Melayu

- Diftong dianggap sebagai **satu suku kata** dan dilambangkan oleh **dua lambang vokal**.
- Diftong mempunyai **puncak kelantangan**, iaitu pada **vokal yang pertama** dan diftong juga bertindak sebagai satu fonem.
- Penyebaran fonem diftong dalam bahasa Melayu adalah seperti yang berikut:


Definisi

- Menurut Arbak Othman, menyatakan bahawa Diftong ialah **rentetan dua vokal** yang mengandungi **satu puncak kelantangan**.
- Tidak ada hentian sebentar atau '**Hiatus**' yang memisahkan kedua-dua vokal binaannya.
- Dalam Bahasa Melayu hanya terdapat tiga Diftong yang terdiri daripada **ay**, **aw**, dan **oy**.
- Dalam otografi bahasa Melayu, Diftong ini dilambangkan sebagai [ai], [au], dan [oi], misalnya dalam perkataan *kedai*, *lampau* dan *kalo*.


Diftong Bahasa Melayu

Diftong	Awal	Tengah	Akhir
/ai/	/aiskrim/ /aisin/	/ghairah/ /trail e r/	/pandai/ /k e ldai
/au/	/aurat/ /auto/	/daulat/ /tauliah/	/kalau/ /pulau/
/oi/	/oidium/	/boikot/	/amboi/ /kaloi/


Diftong [au]



Diftong [oi]




Diftong [ai]



Cara Menghasilkan Setiap Diftong

- Diftong [au]
 - Keadaan bibir daripada hampar ke bundar
 - Hujung lidah hampir kena kepada gigi bawah
 - Depan lidah pada kedudukan sebelum membunyikan vokal depan rendah [a]
 - Lidah secara cepat digelunsurkan ke arah cara membunyikan vokal belakang tinggi [u] dengan belakang lidah melengkung ke arah langit keras
 - anak tekak dan langit lembut dinaikkan bagi menutup rongga hidung supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung
 - Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut
 - Pita suara digetarkan
 - Bunyi yang dihasilkan ialah Diftong [au] Seperti pada perkataan

Awal	Tengah	Akhir
aurat	saudara	harimau
audit	tauliah	pukau




Rajah 1.0 Pembunyian diftong [au]

• Diftong [oi]

- Keadaan bibir daripada hampar ke bundar
- Belakang lidah pada kedudukan sebelum membunyikan vokal belakang separuh tinggi [o]
- Lidah secara cepat digeluncurkan ke arah cara membunyikan vokal depan tinggi [i] dengan depan lidah dinaikkan ke arah lelangit keras, rendah sedikit daripada cara membunyikan vokal [i]
- Anak tekak dan lelangit lembut dinaikkan bagi menutup rongga hidung supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung
- Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut
- Pita suara digetarkan
- Bunyi yang dihasilkan ialah diftong[oi] seperti pada perkataan:

Awal	Tengah	Akhir
boikot	–	Amboi
	–	Sepoi




Rajah 1.1 Pembunyian Diftong [oi]

• Diftong [ai]

- Keadaan bibir agak terhampar
- Hujung lidah terkena gigi bawah
- Depan lidah pada kedudukan seperti membunyikan vokal depan rendah [a]
- Lidah secara cepat digelunsurkan ke arah cara membunyikan vokal depan tinggi [i]
- Anak tekak dan langit lembut dinaikkan bagi menutup rongga hidung supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung
- Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut
- Pita suara digetarkan
- Bunyi yang dihasilkan ialah diftong [ai] seperti pada perkataan

Awal	Tengah	Akhir
Aising	Hairan	Pandai
Aidilfitri	Khairat	Pakai
	Haiwan	



Rajah 1.3 Pembunyian Diftong [ai]